

ALMECON SUSPENSION

Dried aluminium hydroxide gel/magnesium hydroxide/simethicone (200mg/200mg/20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Almecon
2. Bagaimana Almecon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Almecon
4. Cara menggunakan Almecon
5. Semasa menggunakan Almecon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Almecon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Almecon

Ia digunakan untuk keadaan asid berlebihan dalam perut, kembung perut dan ketidak hadaman makanan.

Bagaimana Almecon berfungsi

Aluminium dan magnesium hydroxide adalah antasid, yang mengurangkan asid yang berlebihan dalam perut dan memberi kelegaan kepada simptom-simptom terlebih asid. Simethicone mengurangkan kehadiran angin dalam perut.

Sebelum menggunakan Almecon

- Bila tidak boleh menggunakan

Mengandung dan menyusukan anak
Almecon boleh diambil jika perlu, semasa mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mengandung, untuk jangka pendek sahaja.
Jangan ambil Almecon jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Almecon

Beritahu doktor jika ada masalah buah pinggang, keradangan apendiks, pendarahan perut, usus atau dubur, cirit-birit dan gangguan usus. Almecon tidak boleh digunakan lebih daripada 2 minggu, kecuali dengan arahan doktor.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ambil Almecon sekurang-kurangnya 1 hingga 2 jam selepas ubat seperti loxapine (antipsikotik), *anticoagulants* (untuk darah beku), *antidyskinetics* (untuk kekejangan otot), *antimuscarinics* (untuk kencing tak terkawal), ketoconazole (antikulat), tetracycline (antibiotik) dan sucralfate (untuk ulser perut). Awas semasa rawatan ubat benzodiazepines (ubat penenang), diflunisal (untuk sakit), digitalis glycosides (untuk jantung), phenothiazines (untuk sakit kepala) dan phosphates (suplemen garam-galian).

Cara menggunakan Almecon

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Minum sebanyak 5 – 10ml.

Dos maksima tidak boleh melebihi 120ml. Kanak-kanak melebihi 6 tahun: Minum sebanyak 5ml. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Diminum sejam selepas makan dan sebelum tidur, atau seperti arahan doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Terlebih dos mungkin mengubah aktiviti enzim penghadaman dalam perut.

Semasa menggunakan Almecon

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Almecon. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Almecon dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Almecon tidak seharusnya digunakan lebih daripada 2 minggu, kecuali dengan arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Almecon boleh

menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Rasa kapur dan gangguan perut mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Almecon

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampaian putih berperisa pudina.

- Bahan-bahan kandungan

- bahan aktif:
dried aluminium hydroxide gel
magnesium hydroxide
simethicone.
- bahan tidak aktif:
peppermint oil
sodium carboxymethylcellulose
sodium citrate
methylparabens
propylparabens,
sorbitol
purified water
syrup

- Nombor MAL:

MAL19912116X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/05/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)070417/00069